



# Festival Filem & Video Pelajar Malaysia Ke-7

## Martabatkan Karya Seni Pelajar IPTA/IPTS

Seni dan persembahan merupakan antara medium hiburan yang berupaya mencungkil bakat baharu dari kalangan pelajar selain berupaya menjadi platform terbaik bagi pelajar mengaplikasikan ilmu yang mereka pelajari selaras dengan matlamat Dasar Perfileman Negara untuk membangunkan modal insan dalam bidang tersebut, terutama dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Maka atas dasar itu, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) mengambil inisiatif dengan menganjurkan Festival Filem Dan Video Pelajar Malaysia (FFVPM) bagi mengiktiraf dan memberi penghargaan terhadap hasil kerja-kerja pelajar menerusi filem dan video yang dihasilkan.



Selain itu, ia juga dianjurkan bertujuan untuk menggalakkan penghasilan kerja kreatif yang bermutu tinggi di kalangan pelajar-pelajar dalam bidang pendidikan atau jurusan perfileman, komunikasi dan multimedia. Bertemakan, 'KE ARAH PERSADA 1 MALAYSIA', Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah dipilih selaku penganjur bagi edisi FFVPM kali ke-7 ini bermula 14 hingga 16 Januari 2010 lalu di beberapa lokasi di sekitar Perlis. Sebanyak 20 Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta menyertai festival pada kali ini membabitkan 121 penyertaan filem dan video yang bakal merebut 19 anugerah utama yang dipertandingkan.

Ketua Pengarah Finas, En. Mohd. Mahyidin Mustakim Jumaat, dalam ucapan perasmiannya berkata, tema festival itu bertepatan dengan strategi pelaksanaan Dasar Perfileman Negara yang menggariskan pelan pembangunan modal insan khususnya menyediakan tenaga kerja bagi meningkatkan mutu perfileman.

Ujar beliau, FINAS amat mengharapkan melalui penganjuran festival tersebut ia dapat mencernakan kupasan idea 1Malaysia dari sudut pandangan yang diterjemahkan dengan penuh kreativiti menerusi medium filem dan video.

"Industri filem Negara amat memerlukan penglibatan karyawan muda yang agresif, dinamik dan komited untuk mewarnai lanskap serta memacu kejayaan filem Malaysia ke tahap yang lebih tinggi dan berjaya," ujarnya.

Mohd. Mahyidin turut merakamkan ucapan penghargaan terhadap UniMAP yang sanggup menyahut cabaran FINAS selaku tuan rumah walaupun tawaran diberikan dalam tempoh yang agak terbatas.

"UniMAP nyata berjaya menganjurkan festival ini dengan begitu berjaya dan sempurna. Saya percaya inilah hasil atau cerminan daya usaha, komitmen dan semangat UniMAP BOLEH yang berjaya diserapkan dari peringkat pucuk pimpinan universiti sehinggalah kepada penuntut UniMAP keseluruhannya," katanya ketika berucap merasmikan FFVPM ke-7 di Dewan Kapitol, Kangar.

### AKTIVITI

Pelbagai aktiviti menarik telah disusun sepanjang penganjuran FFVPM ke-7 antaranya pameran Multimedia, Pendidikan dan Komersial yang berlangsung di perkarangan jalan di hadapan Pasaraya The Store, Kangar. Antara agensi yang mengambil bahagian dalam pameran ialah produksi yang menerbitkan rancangan Upin dan Ipin iaitu Las Copaque, Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang turut menjalankan ujibakat penyampai berita serta pengacara rancangan.

Pentas pameran turut diserikan dengan pelbagai aktiviti persembahan kebudayaan oleh pelajar-pelajar IPTA/IPTS yang menjuarai pertandingan FESTKUM 2009, tayangan video/filem peserta yang terpilih ke peringkat akhir serta persembahan oleh artis-artis Cheeky Boom yang dibawa khas oleh RTM yang bertindak sebagai rakan media rasmi.

Tidak ketinggalan tayangan video dan filem turut diadakan di Dewan Kapitol membabitkan filem dan video yang bertemakan 1 Malaysia iaitu Talentime, Bukit Kepong, Ali Setan serta Geng: Pengembaraan Bermula. FFVPM ke-7 turut diserikan dengan kehadiran tokoh seni ternama iaitu YB. Senator Tan Sri Jins Shamsuddin yang turut mengisi slot aktiviti melalui ceramah "Filem dan Industri Kreatif".



Forum perfileman bertajuk "Filem dan Persada 1 Malaysia" mengisi slot aktiviti hari kedua dengan dibarisi oleh ahli-ahli panel berpengalaman iaitu YB Senator Tan Sri Jins Shamsudin, Othman Hafsham dan Haji Burhanuddin Mad Radzi.



## MALAM ANUGERAH

Kemuncak penganjuran FFVPM ke-7 ialah penganjuran Malam Anugerah yang berlangsung dengan penuh gilang gemilang di Dewan 2020 Kangar. Diserikan dengan kehadiran artis terkenal seperti Lisa Surihani, Jehan Miskin dan Rusdi Ramli, malam anugerah ini merupakan malam pengiktirafan yang menobatkan kemenangan karya dan pelajar yang menyertai FFVPM ke-7.

Malam Anugerah menjadi lebih bermakna dengan keberangkatan DYTU Tuanku Syed Faizudin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Tuanku Raja Muda Perlis merangkap Canselor UniMAP dan DYTU Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khaleel, Tuanku Raja Puan Muda yang juga Pro-Canselor UniMAP.

Diserikan lagi dengan pelbagai persembahan pentas oleh pelajar-pelajar dan staf UniMAP, Malam Anugerah FFVPM ke-7 menobatkan "Warna" hasil karya Zaki Zakaria dari Universiti Sains Malaysia. Anak muda berusia 23 tahun itu berjaya menampilkan video yang berjaya menonjolkan semangat 1Malaysia di kalangan kanak-kanak. Hasil kemenangan itu membolehkan Zaki membawa pulang wang tunai berjumlah RM2,500, barangan bernilai RM2,200 serta trofi dan sijil penyertaan.

### KEPUTUSAN RASMI :

#### FILEM / VIDEO TERBAIK KESELURUHAN

Warna (USM)  
Zaki Zakaria - **ANUGERAH UTAMA**

#### ANUGERAH KHAS JURI

In The Deep (ASWARA)  
Audrie Yeo Sui Luan - **ANUGERAH KHAS JURI**

#### ANUGERAH KHAS JURI

Gong Pah Gong Cak (ASWARA)  
Najib Khalid Jafri - **ANUGERAH KHAS JURI**

#### ANUGERAH KHAS JURI

7 Pesona Perlis (UniMAP)  
Mohd Faiz Hafizi - **ANUGERAH KHAS JURI**

#### FILEM / VIDEO PENDEK

Gong Pah Gong Cak (ASWARA)  
Najib Bin Khalid Jafri - **PEMENANG**

Awan Mendung Menanti Pelangi (UiTM)  
Azri Abu Hassan - **KEDUA**

Jiwa Kita (Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis)  
Khairunnisa Yeop Kamal - **KETIGA**

#### FILEM / VIDEO EKSPERIMEN

Adiwira (UPM)  
Mohammad Fadzil Mustaaza - **PEMENANG**

Cahaya (UNIMAS)  
Noorazrin Mohamad Peridar - **KEDUA**

Satu Illusi (UniMAP)  
Mohd Khairul Amir Fadzalish - **KETIGA**

#### FILEM / VIDEO ANIMASI

#### TIADA PEMENANG PERTAMA

#### TIADA PEMENANG KEDUA

Siti Nur A Piece Of Life (UNIKL)  
Safuan Zakwan Zanuddin - **KETIGA**

#### FILEM / VIDEO IKLAN TERBAIK

Warna (USM)  
Zaki Bin Zakaria - **PEMENANG**

5 Rukun 1 Malaysia (UIA)  
Khairoul Bin Hussien - **KEDUA**

Don't Turn A Blind Eye (UKM)  
Yvonne Lim Sue Yin - **KETIGA**

#### KLIP VIDEO TERBAIK

La La La Kerjalah (UITM, Melaka)  
Che Nurul Amalina Che Zainal - **PEMENANG**

Kau Pergi Kerana Suka (UITM, Melaka)  
Khairul Annuar Bin Mohd Yusof - **KEDUA**

I Am The Lucky One (UKM)  
Mohamad Saiem B Kedu - **KETIGA**

#### FILEM / VIDEO DOKUMENTARI TERBAIK

Anai-Anai Di Jalan Raya (UKM)  
Edmund Lee Kuanjun - **PEMENANG**

Bau (UITM)  
Mohd Nasrul Faiz B Abu Azal - **KEDUA**

Sumbangsih Alam (UKM)  
Kho Suet Nie - **KETIGA**

#### PENYUNTING TERBAIK

La La La Kerjalah (UITM, Melaka)  
Che Nurul Amalina Che Zainal

#### PENATAAN SENI TERBAIK

Gong Pah Gong Cak (ASWARA)  
Najib Bin Khalid Jafri

#### PENATAAN BUNYI TERBAIK

Destinasi (ASWARA)  
Mohammad Tasyriff Tajudin

#### SKRIP TERBAIK

Awan Mendung Menanti Pelangi (UITM)  
Azri Abu Hassan

#### KOSTUM TERBAIK

La La La Kerjalah (UITM, Melaka)  
Che Nurul Amalina Che Zainal

#### SINEMATOGRAFI TERBAIK

Destinasi (ASWARA)  
Mohammad Tasyriff Tajudin

#### MUZIK TERBAIK

It Ain't Over Till It's Over (UNIMAS)  
Izwan Bin Masnan

#### GRAFIK TERBAIK

Revolusi J (LIM KOK WING UNIVERSITY)  
Saiful Azman Mazlan